

CIRCULAR

Date:	11 June 2025	Ref No.:	ID/ALL/HYF-JW-AK/023-25 (Total no. of pages: 1)
To:	UTMC, IUTA, CUTA, PRS PROVIDER, IPRA AND CPRA		
Attn:	Authorised Representative/Chief Executive Officer		

UPDATE ON SERVICE TAX - PANDUAN: PERKHIDMATAN KEWANGAN VERSI 1

We refer to our circular ID/ALL/HYF-JW-AK/023-25 dated 10 June 2025, in which we informed the industry that the fund management industry would be subject to Service Tax effective 1 July 2025, based on our communication with the Royal Malaysian Customs Department (JKDM).

On 11 June 2025, we received the attached ***Panduan: Perkhidmatan Kewangan Versi 1*** ("Guidelines"), which were published on the JKDM MySST website on 10 June 2025.

Following our review of the Guidelines and subsequent confirmation with JKDM, we wish to inform that the fund management industry is not listed in Appendix A. This indicates that the industry is expected to be included under Phase 2 of the implementation, which will take effect from 1 September 2025.

Accordingly, all fund management companies and distributors providing financial services involving fees, commissions, or sales charges are required to comply with service tax requirements effective **1 September 2025**. This includes registration for service tax (if not already registered) and ensuring the accurate collection and submission of tax to JKDM.

Please refer to **Appendix 1** for the Guidelines as published by the JKDM in the MySST website.

If you require further information or clarification, please contact the Industry Development Department (ID) at ID@fimm.com.my.

Thank you.

Yours faithfully



Heow Yen Fen

General Manager, Industry Services Division
FEDERATION OF INVESTMENT MANAGERS MALAYSIA

APPENDIX 1



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN: PERKHIDMATAN KEWANGAN VERSI: 1

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

9 JUN 2025

Penerbitan

Date: 9 Jun 2025

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Malaysia)

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan semula, atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan cara, termasuk untuk tujuan komersial di premis, tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sekiranya mana-mana bahagian kandungan ini dipetik atau digunakan semula, pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber adalah diwajibkan.

Penafian

Maklumat dalam panduan ini disediakan bagi memberikan pemahaman umum berhubung layanan cukai di bawah perundangan Cukai Perkhidmatan serta bertujuan membantu pembayar cukai memahami tanggungjawab percukaian mereka secara umum. Ia bukanlah bertujuan untuk menjelaskan secara menyeluruh semua isu cukai yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan segala maklumat dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau ketidaktepatan yang mungkin terkandung di dalamnya, mahupun terhadap sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang dialami oleh mana-mana pihak yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Segala maklumat adalah tepat pada tarikh penyediaan dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa jika perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Terminologi	1
Tarikh Kuat Kuasa	2
Implikasi Terhadap Layanan Cukai Perkhidmatan Semasa	3
Orang Kena Cukai (OKC)	5
Nilai Ambang	5
Kadar Cukai Perkhidmatan	6
Perkhidmatan Bercukai	6
Perkhidmatan Yang Diimport	9
Layanan Cukai Perkhidmatan Di Kawasan Ditetapkan (KD) Dan Kawasan Khas (KK)	11
Perkhidmatan Kewangan Atau Caj Yang Tidak Tertakluk Kepada Cukai Perkhidmatan	14
Pengecualian Daripada Pembayaran Cukai Perkhidmatan	24
Layanan Cukai Perkhidmatan Semasa Tempoh Peralihan	33
Pendaftaran Dan Pengemukaan Penyata	34
Soalan Lazim (FAQ)	36
Pertanyaan	38
Appendix A	39
Appendix B	41

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan ialah cukai penggunaan yang ditadbir di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang dipanggil “perkhidmatan bercukai”.
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi nilai ambang yang ditetapkan adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada pelanggan mereka.
4. Panduan ini disediakan bagi membantu anda memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan.

TERMINOLOGI

5. Terminologi yang ditakrifkan dalam panduan ini hendaklah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan, melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam panduan ini.

5.1 “Perkhidmatan kewangan” bermaksud;

- a) sebarang perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti atau perniagaan yang dikawal selia di bawah perundangan berikut:
 - i) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];
 - ii) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];
 - iii) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
 - iv) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704];
 - v) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705]; atau

- vi) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618]
- b) Perkhidmatan yang serupa tetapi tidak dikawal di bawah akta yang dinyatakan dalam perenggan 5.1(a) dan perkhidmatan ini termasuklah:
 - i) pajakan kewangan;
 - ii) pemfaktoran;
 - iii) pembiayaan perdagangan;
 - iv) kemudahan kredit; atau
 - v) pembiayaan patuh syariah.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini tidak termasuk perkhidmatan berikut:

- i) pertukaran Mata Wang Asing;
- ii) penghantaran wang; atau
- iii) pengagihan produk/ perkhidmatan insurans dan takaful (i.e. agen insurans atau takaful)

5.2 “Penyedia perkhidmatan kewangan dikawal selia” bermaksud mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).

5.3 “Penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar” bermaksud mana-mana orang yang berdaftar di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

TARIKH KUAT KUASA

- 6. Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan akan dibuat secara berfasa, bermula pada **1 Julai 2025**.
 - i. Fasa pertama - Berkuat kuasa pada 1 Julai 2025, perkhidmatan kewangan tertentu yang dikenakan yuran atau komisen adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan tersebut disenaraikan seperti dalam Appendix A.

- ii. Fasa kedua – Berkuat kuasa pada 1 September 2025, perkhidmatan kewangan yang dikenakan yuran atau komisen yang tidak disenaraikan dalam Appendix A akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

IMPLIKASI TERHADAP LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN SEMASA

7. Sebelum pelaksanaan dasar peluasan skop cukai perkhidmatan (sebelum 1 Julai 2025), beberapa perkhidmatan kewangan telah pun tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan tersebut adalah:
 - a) Insuran dan takaful
 - b) Kad kredit atau kad caj
 - c) Pengurusan kewangan
 - d) Khidmat nasihat kewangan
 - e) Pembrokeran and penajajaminan
 - f) Kewangan digital

Secara am, layanan cukai ke atas perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah kekal tidak berubah, kecuali bagi perkhidmatan tertentu. Butiran berkenaan perkhidmatan yang dinyatakan ini disediakan dalam bahagian pengecualian dalam panduan ini.

8. Butiran dalam Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 telah diubah daripada perkhidmatan kad kredit dan kad caj kepada perkhidmatan kewangan.
9. Perkhidmatan kewangan yang disenaraikan di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 yang baharu adalah seperti berikut:
 - a) kemudahan barisan kredit atau perkhidmatan pembiayaan patuh Syariah melalui pengaktifan kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan;
 - b) Perkhidmatan insurans atau takaful bagi perlindungan terhadap sebarang risiko;
 - c) perkhidmatan kewangan yang dikenakan yuran, komisen atau bayaran

serupa; dan

- d) perkhidmatan tertentu yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan yang tidak dikawal selia, yang dikenakan yuran, komisen atau bayaran yang serupa.

10. Layanan cukai ke atas kad kredit atau kad caj, insurans dan takaful termasuk pengecualian adalah kekal seperti sedia ada. Walau bagaimanapun, layanan cukai terkini ke atas insurans semula (re-insurance) dan takaful semula (re-takaful) adalah tertakluk kepada cukai.
11. Perkhidmatan pengurusan, perundingan, pembrokeran, penaja jaminan dan perkhidmatan digital yang berkaitan dengan kewangan telah dipindahkan ke Butiran 3, Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan dimasukkan dalam kategori perkhidmatan kewangan.
12. Yuran broker yang dikenakan oleh broker bagi perkhidmatan pembrokeran yang berkaitan dengan urus niaga saham tersenarai di Bursa Malaysia akan terus dikecualikan di bawah dasar peluasan cukai perkhidmatan.
13. Pengecualian sedia ada bagi perkhidmatan digital berkaitan kewangan di bawah Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dimansuhkan dan digantikan dengan pengecualian di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Walau bagaimanapun, pengecualian bagi yuran atau komisen yang dikenakan ke atas platform dagangan komoditi tempatan bagi urus niaga kewangan Islam kekal tidak berubah.
14. Penyedia perkhidmatan kewangan yang turut menyediakan perkhidmatan bukan kewangan dikategorikan di bawah Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, masih boleh menikmati pengecualian kumpulan (pelepasan kumpulan).

Contoh 1:

Bank XY ialah penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar di bawah cukai perkhidmatan. Selain daripada perkhidmatan kewangan, Bank XY turut

menguruskan sebuah kompleks sukan dan mengenakan bayaran kepada syarikat lain, termasuk syarikat dalam kumpulan yang sama, bagi penggunaan kemudahan kompleks tersebut. Kedua-dua jenis perkhidmatan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan pengurusan kewangan dikategorikan di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, manakala perkhidmatan pengurusan bukan kewangan dikategorikan di bawah Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Perkhidmatan yang diklasifikasikan di bawah Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah layak untuk mendapat pelepasan kumpulan (group relief), manakala perkhidmatan di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 hanya layak mendapat pengecualian di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 sahaja (Pengecualian B2B).

ORANG KENA CUKAI (OKC)

15. Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia serta menyediakan perkhidmatan kewangan yang dikenakan yuran, komisen, atau apa-apa pembayaran lain yang serupa.
16. Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang tidak dikawal selia serta menyediakan perkhidmatan kewangan serupa yang dikenakan yuran, komisen, atau pembayaran lain yang seumpama. Perkhidmatan tersebut termasuk pajakan kewangan, pemfaktoran, pembiayaan perdagangan, kemudahan kredit dan pembiayaan patuh Syariah.

NILAI AMBANG

17. Jumlah nilai perkhidmatan bercukai bagi tujuan pendaftaran mana-mana orang kena cukai adalah RM500,000 seperti yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
18. Keperluan nilai ambang tidak terpakai bagi penyediaan kemudahan barisan kredit atau perkhidmatan pembiayaan patuh Syariah melalui pengaktifan kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan.

KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

19. Penyediaan perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2), Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kecuali perkhidmatan bercukai dalam Butiran 1, Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 8% berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.
20. Bagi penyediaan kemudahan barisan kredit atau perkhidmatan pembiayaan patuh Syariah melalui pengaktifan kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan, kadar cukai adalah sebanyak RM25.00 bagi setiap kad, dikenakan pada tarikh kad tersebut diaktifkan dan setiap dua belas bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad tersebut diaktifkan.

PERKHIDMATAN BERCUKAI

21. Mana-mana perkhidmatan kewangan yang dikenakan yuran, komisen, atau bayaran serupa berkaitan dengan aktiviti atau perniagaan yang dikawal selia di bawah undang-undang berikut:
 - a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];
 - b) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];
 - c) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
 - d) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704];
 - e) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705]; atau
 - f) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618]
22. Perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 meliputi perkhidmatan berikut:
 - a) Kemudahan kredit;

- b) Insurans dan takaful;
- c) Sistem pembayaran;
- d) Nasihat Shariah;
- e) Khidmat nasihat kewangan;
- f) Kewangan digital;
- g) Amanah dan Yayasan Islam.

23. Perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 meliputi perkhidmatan berikut:

- a) Nasihat pelaburan;
- b) Pengurusan dana;
- c) Perancangan kewangan;
- d) Penjelasan untuk sekuriti atau derivatif;
- e) Kewangan korporat;
- f) Pasaran modal hutang;
- g) Penajajaminan.

24. Perkhidmatan bercukai juga termasuk perkhidmatan kewangan yang serupa yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang tidak dikawal selia. Perkhidmatan tersebut meliputi:

- a) Pemfaktoran;
- b) Pajakan kewangan;
- c) Pembiayaan perdagangan;
- d) Kemudahan kredit; atau
- e) Pembiayaan patuh Shariah

Contoh 2:

JP Leasing Sdn. Bhd. (pemberi pajak), sebuah syarikat pemajak berlesen di Malaysia, telah memeterai perjanjian pajakan dengan TFK Manufacturing Sdn. Bhd. (pemajak). Butiran perjanjian pajakan adalah seperti berikut:

- Jenis Pajakan adalah pajakan kewangan. Aset dipajak adalah sebanyak 5 unit Mesin Kawalan Berangka Komputer (CNC).
- Tempoh Pajakan: 7 tahun (84 bulan). Tarikh Mula Pajak ialah 1 Jun 2025

dan Tarikh Tamat Pajak ialah 31 Jun 2032.

- Nilai Baki Akhir (pada akhir tempoh pajakan): RM 100,000 (Nilai jangkaan mesin pada akhir tempoh pajakan, yang boleh dibayar oleh pemajak untuk memiliki mesin tersebut sepenuhnya).

Perjanjian ini tertakluk kepada yuran dan caj berikut:

- Bayaran pajakan bulanan: RM 15,000. Bayaran ini merangkumi kos pembiayaan mesin, susut nilai, dan caj berkaitan.
- Yuran pemasangan pajakan adalah RM 2,000, iaitu bayaran sekali untuk menampung kos pemprosesan dan penyediaan perjanjian pajakan serta duti setem berjumlah RM 300.
- Kadar Faedah adalah 5% setahun dan jumlah caj pembiayaan adalah RM 50,000.
- Yuran Lewat Bayar adalah RM 100, jika pemajak gagal membuat bayaran dalam tempoh 7 hari dari tarikh akhir dan Caj Penamatan Awal adalah RM 5,000 dikenakan jika pemajak menamatkan perjanjian lebih awal, di mana penalti dikenakan bagi menggantikan hasil yang hilang kepada pemajak.

Dalam contoh ini, yuran yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan kewangan hanyalah yuran pemasangan pajakan berjumlah RM 2,000. Walaupun JP Leasing Sdn. Bhd. tidak dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, namun perkhidmatan yang diberikan adalah perkhidmatan pajakan. Oleh itu, JP Leasing Sdn. Bhd. hendaklah berdaftar bagi cukai perkhidmatan sekiranya jumlah keseluruhan yuran pemasangan pajakan melebihi RM 500,000 setahun.

Contoh 3:

Aly membeli sebuah telefon pintar secara dalam talian berharga RM1,200. Kedai dalam talian menawarkan perkhidmatan "Beli Sekarang Bayar Kemudian" (Buy Now Pay Later, BNPL) melalui penyedia perkhidmatan, GRC Pay Later. Terma BNPL adalah seperti berikut:

- Ansuran: 3 bayaran sama dalam tempoh 3 bulan
- Kadar Faedah: 1.5%

- Yuran Pentadbiran: RM10
- Yuran Lewat Bayar: RM15

Dalam contoh ini, satu-satunya yuran yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan H adalah yuran pentadbiran berjumlah RM10. GRC Pay Later menyediakan perkhidmatan kemudahan kredit walaupun ia tidak dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, GRC Pay Later perlu berdaftar cukai perkhidmatan sekiranya jumlah keseluruhan yuran pentadbirannya melebihi RM500,000 setahun. Sekiranya GRC Pay Later tidak mengenakan sebarang yuran pentadbiran, maka ia tidak diwajibkan untuk berdaftar cukai perkhidmatan.

25. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini tidak termasuk perkhidmatan berikut:
- a) pertukaran Mata Wang Asing;
 - b) penghantaran wang; atau
 - c) pengagihan produk/ perkhidmatan insurans dan takaful (.i.e. agen insurans atau takaful).

PERKHIDMATAN YANG DIIMPORT

26. Perkhidmatan kewangan bercukai yang diimport merujuk kepada perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang berada di negara selain Malaysia (penyedia perkhidmatan asing) atau yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia. Perkhidmatan ini juga disediakan kepada penerima yang berada di Malaysia meliputi Kawasan Khas (KK) dan Kawasan Ditetapkan (KD).
27. Penyedia perkhidmatan berada di luar negara apabila tempat perniagaan utama berada di luar Malaysia. Manakala, penerima perkhidmatan berada di Malaysia jika tempat perniagaan utama berada di Malaysia.
28. Penyedia perkhidmatan asing yang menyediakan perkhidmatan kepada penerima di Malaysia tidak diwajibkan untuk mengenakan cukai perkhidmatan. Kewajipan cukai beralih daripada penyedia perkhidmatan asing kepada penerima di Malaysia.

29. Penerima di Malaysia, sama ada berdaftar atau tidak, hendaklah mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport jika:
 - a) Perkhidmatan tersebut digunakan untuk tujuan perniagaan yang dijalankan olehnya; atau
 - b) Perkhidmatan tersebut adalah perkhidmatan bercukai apabila disediakan di Malaysia.
30. Penerima perkhidmatan bercukai yang diimport hendaklah mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan, pada tarikh yang lebih awal antara:
 - a) tarikh pembayaran dibuat oleh penerima; atau
 - b) tarikh invois diterima oleh penerima daripada penyedia perkhidmatan asing.
31. Invois daripada penyedia perkhidmatan asing dianggap telah diterima oleh penerima pada tarikh invois tersebut direkodkan dalam sistem perakaunan syarikat
32. Nilai perkhidmatan yang diimport oleh penerima yang tidak mempunyai hubungan dengan penyedia perkhidmatan hendaklah diambil kira sebagai jumlah yang bersamaan dengan:-
 - a) Nilai Premium sebenar yang dibayar atau sumbangan takaful yang dibayar untuk insurans atau takaful; atau
 - b) Nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diimport, selain daripada perkhidmatan insurans atau takaful yang diimport.
33. Dalam kes penerima yang mempunyai kaitan dengan penyedia perkhidmatan, nilai perkhidmatan diimport merupakan nilai perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh dalam urusan biasa perniagaan oleh seseorang yang tidak mempunyai kaitan dengan pihak yang berada di luar Malaysia.
34. Perkhidmatan kewangan yang diperoleh dari luar negara (perkhidmatan diimport) oleh penyedia perkhidmatan kewangan yang berdaftar adalah layak

mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan sekiranya perkhidmatan tersebut digunakan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan bercukai di Malaysia. Penjelasan berkenaan perkhidmatan yang dinyatakan ini disediakan dalam bahagian pengecualian dalam panduan ini.

35. Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Panduan Cukai Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Diimport.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN DI KAWASAN DITETAPKAN (KD) DAN KAWASAN KHAS (KK)

36. Perkhidmatan yang disediakan di dalam atau antara Kawasan Ditetapkan (KD) atau Kawasan Khas (KK) tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan, kecuali bagi perkhidmatan yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2018.
37. Penyedia perkhidmatan kewangan menyediakan perkhidmatan kewangan di dalam atau antara KD atau KK sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut: –
- a) Tempat Perniagaan Utama (TPU) bagi penyedia perkhidmatan kewangan adalah di dalam KD atau KK; dan
 - b) TPU pelanggannya adalah di dalam KD atau KK.
38. Penentuan Tempat Perniagaan Utama (TPU) adalah berdasarkan kriteria berikut:
- i. Lokasi utama di mana keputusan penting berkaitan pengurusan am sesebuah syarikat dibuat dan di mana fungsi pentadbiran pusatnya dijalankan;
 - ii. Pejabat berdaftar, pentadbiran pusat, tempat mesyuarat pengarah diadakan, dan lokasi di mana dasar umum syarikat tersebut ditentukan; dan
 - iii. Tempat kediaman utama para pengarah, lokasi mesyuarat agung diadakan, serta tempat penyimpanan dokumen pentadbiran dan perniagaan.

39. Bagi individu, tempat kediaman merujuk kepada lokasi di mana mereka biasanya menetap.
40. Alamat perniagaan atau pejabat berdaftar tidak boleh semata-mata digunakan untuk menentukan TPU melainkan ia memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam perenggan di atas.
41. Dalam keadaan biasa, TPU adalah lokasi di mana Ibu Pejabat atau pejabat utama bagi sesebuah syarikat.
42. Jika Ibu Pejabat bagi penyedia perkhidmatan kewangan terletak di Kawasan Khas (KK) atau Kawasan Ditetapkan (KD) dan menjalankan operasi di lokasi tambahan seperti cawangan di lokasi lain di Malaysia, Ibu Pejabat tersebut akan dianggap sebagai premis perniagaan utama. Tempat ini digunakan untuk menentukan TPU bagi perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan.

Contoh 4:

ZAN Bank (Labuan) Berhad menyediakan pinjaman kepada perniagaan yang terletak di Labuan dan mengenakan yuran pemprosesan ke atas perkhidmatan kewangan. TPU bagi penyedia perkhidmatan dan penerima perkhidmatan terletak di Labuan. Yuran ini tidak dikenakan cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan tersebut disediakan dalam Kawasan Labuan.

43. Di Labuan, penyedia perkhidmatan kewangan (FSP) mempunyai Tempat Perniagaan Utama (TPU) di Labuan jika ia dilesenkan di bawah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).

Contoh 5:

Wei Bank Bhd beroperasi dari Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur dan mempunyai dua cawangan di Labuan, iaitu Wei Bank Bhd (Cawangan Labuan) dan Wei Bank Offshore. Wei Bank Offshore dilesenkan di bawah Labuan FSA. Kedua-dua cawangan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada individu atau syarikat

yang berpusat di Labuan (Ibu Pejabat di Labuan).

Perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh Wei Bank Bhd (Cawangan Labuan) tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan ini disediakan dari Malaysia ke Labuan. Manakala, perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh Wei Bank Offshore tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan, kerana perkhidmatan disediakan dalam Kawasan Labuan.

44. Mana-mana perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan dan TPU terletak di Malaysia (selain daripada KD/KK) kepada penerima perkhidmatan yang terletak sama ada di KD atau KK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6:

Bank FAZ beroperasi di Malaysia dengan Ibu Pejabatnya terletak di Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan di Labuan. Cawangan Labuan menyediakan pinjaman kepada penduduk Labuan dan mengenakan yuran pemprosesan untuk perkhidmatan ini. Oleh kerana TPU (Ibu Pejabat) Bank FAZ berada di Malaysia (selain daripada KD/KK), yuran pemprosesan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

45. Mana-mana perkhidmatan kewangan yang disediakan ke Malaysia (selain daripada KD/KK) oleh penyedia perkhidmatan kewangan yang mempunyai TPU di KD atau KK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Penyedia perkhidmatan kewangan tersebut dikehendaki berdaftar cukai perkhidmatan jika jumlah perkhidmatan bercukai dalam tempoh dua belas bulan melebihi nilai ambang yang ditetapkan walaupun premis perniagaan utama terletak di KD atau KK.

Contoh 7:

Sine Bank (Labuan Ltd) menyediakan pinjaman kepada sebuah perniagaan terletak di Kota Kinabalu, Sabah dan mengenakan yuran pemprosesan. Yuran ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan tersebut

disediakan dari KD ke Malaysia.

46. Perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan yang mempunyai TPU di KD atau KK kepada pelanggan di luar negara adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan jika perkhidmatan tersebut berkaitan dengan barangan, tanah atau perkara di luar Malaysia.

Contoh 8:

ACBC Bank (Labuan) Limited menyediakan perkhidmatan nasihat pelaburan kepada pelanggan luar negara, ZAN Pvt Ltd. Yuran yang dikenakan untuk perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan, kerana ia berkaitan dengan perkara di luar Malaysia.

47. Perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan dari luar negara (perkhidmatan yang diimport) kepada Kd atau KK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walaubagaimanapun, penyedia perkhidmatan kewangan di Labuan, sama ada berdaftar atau tidak, dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan yang diimport. Penjelasan berkenaan pengecualian yang dinyatakan ini disediakan dalam bahagian pengecualian dalam panduan ini.

PERKHIDMATAN KEWANGAN ATAU CAJ YANG TIDAK TERTAKLUK KEPADA CUKAI PERKHIDMATAN

48. Caj tertentu atau pulangan yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan tidak tertakluk kepada cukai. Caj-caj ini ditanggung bersama yuran atau komisen yang dikenakan cukai bagi perkhidmatan kewangan yang sama.
49. Caj atau pulangan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:
- i. Faedah dan keuntungan yang dikenakan di bawah perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan kewangan Islam.

Contoh 9:

Sebuah bank menyediakan pinjaman perumahan kepada pelanggan dan mengenakan yuran penyediaan serta faedah ke atas pinjaman tersebut. Walaupun yuran penyediaan tertakluk kepada cukai perkhidmatan, faedah yang dikenakan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 10:

Sebuah bank Islam menyediakan kemudahan pembiayaan kepada seorang pelanggan untuk pembelian kenderaan. Bank mengenakan kadar keuntungan ke atas jumlah pembiayaan seperti yang dipersetujui dalam kontrak. Walaupun bank boleh mengenakan yuran pemprosesan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan, keuntungan yang diperoleh daripada pembiayaan tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- ii. Pulangan dalam bentuk *spread*. Ia merujuk kepada perbezaan antara harga belian dan harga jualan dalam sebarang urusan niaga produk kewangan. Perbezaan ini mewakili keuntungan yang diperoleh oleh penyedia perkhidmatan kewangan.

Contoh 11:

Sebuah bank membeli USD pada nilai RM4.50 dan menjualnya pada nilai RM4.55, memperoleh keuntungan RM0.05 bagi setiap USD. Keuntungan bernilai RM0.05 tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- iii. Caj punitif, iaitu yuran atau penalti yang dikenakan sebagai hukuman kerana melanggar peraturan, melanggar kontrak, atau gagal memenuhi kewajipan tertentu. Caj ini bertujuan untuk menghalang tingkah laku yang tidak diingini dan bukannya sebagai bayaran untuk sesuatu perkhidmatan. Contoh caj punitif adalah seperti berikut:

- i) caj lewat bayar ke atas pinjaman;
- ii) caj untuk pengeluaran awal deposit tetap;
- iii) caj pampasan bagi cek tak lulus;

- iv) yuran lebih overdraf; dan
- v) yuran pembatalan bagi penamatan kontrak sebelum tamat tempoh

Contoh 12:

Encik Hazlee mengeluarkan cek RM5,000 untuk bayaran pinjaman keretanya, tetapi cek tersebut ditolak kerana dana dalam akaunnya tidak mencukupi. Bank mengenakan caj pampasan RM50 bagi memproses cek tak lulus tersebut. Caj RM50 ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia merupakan penalti dan bukan yuran perkhidmatan.

Contoh 13:

Sebuah bank mengenakan yuran RM50 kepada pelanggan yang menggunakan overdraf melebihi had. Oleh sebab caj ini adalah bersifat punitif, ia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

50. Dalam keadaan lain, penyedia perkhidmatan kewangan tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas yuran, komisen, atau bayaran seumpamanya bagi penyediaan perkhidmatan kewangan tertentu kepada penerima perkhidmatan. Perkhidmatan kewangan tertentu yang dikecualikan daripada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- a) Apa-apa perkhidmatan perbankan asas yang mengenakan caj atau yuran berkaitan pengendalian akaun simpanan, akaun semasa atau akaun seumpamanya seperti *e-wallet*. Perkhidmatan perbankan asas adalah perkhidmatan seperti berikut:
 - i) Deposit, pengeluaran, pembayaran atau pindahan dana;
 - ii) Yuran tahunan bagi kad debit;
 - iii) Transaksi asas di kaunter;
 - iv) Transaksi asas menggunakan Mesin Pengeluaran Wang Automatik (ATM); atau
 - v) Pencetakan penyata akaun.

Contoh 14:

Sarah membuat pengeluaran RM1,000 daripada akaun simpanannya melalui mesin ATM. Bank mengenakan caj RM1.00 sebagai yuran pengeluaran melalui mesin ATM bank yang berbeza. Yuran pengeluaran bernilai RM1.00 tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia diklasifikasikan sebagai perkhidmatan perbankan asas.

Contoh 15:

Seorang pelanggan menggunakan perbankan dalam talian untuk membayar bil utiliti bulanan. Bank mengenakan yuran transaksi sebanyak RM2 bagi setiap pembayaran bil utiliti yang dibuat melalui platform atas talian. Oleh kerana perkhidmatan ini berkaitan dengan pengendalian akaun semasa pelanggan, yuran yang dikenakan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia merupakan sebahagian daripada perkhidmatan perbankan asas.

Contoh 16:


Jay telah memindahkan RM100 dari akaun e-dompetnya ke e-dompet orang lain. Penyedia platform e-dompet mengenakan yuran pemindahan sebanyak RM1 ke atas perkhidmatan ini. Oleh kerana yuran ini berkaitan dengan pengendalian akaun e-dompet, ia merupakan perkhidmatan perbankan asas dan yuran yang dikenakan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 17:

Fara mendepositkan RM10,000 ke dalam akaun pelaburannya melalui institusi kewangannya. Institusi tersebut mengenakan yuran pemprosesan sebanyak RM10 untuk mengurus deposit tersebut. Oleh kerana yuran ini berkaitan dengan pelaburan dan bukan urus niaga perbankan harian, maka perkhidmatan tersebut bukan merupakan perkhidmatan perbankan

asas. Oleh itu, yuran pemprosesan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 18:



Aliran Proses Pembayaran Dalam Talian:

- Pelanggan memulakan pembelian: Pelanggan memilih barangan di laman web peniaga dan meneruskan ke proses pembayaran.
- Pelanggan mengisi butiran pembayaran: Pelanggan memasukkan maklumat kad kredit/debit, alamat dan sebagainya.
- Peniaga menghantar transaksi ke gerbang pembayaran: Laman web peniaga menghantar butiran pembayaran ke gerbang pembayaran.
- Gerbang pembayaran memproses transaksi: Gerbang pembayaran mengesahkan maklumat kad dan menghantarnya secara selamat ke bank pemeroleh (acquiring bank).
- Bank pemeroleh memohon kebenaran: Bank pemeroleh menghantar butiran transaksi kepada bank pengeluar dan rangkaian kad untuk pengesahan serta mendapatkan kebenaran.
- Bank pengeluar meluluskan transaksi: Bank pengeluar menyemak baki dan had kredit pemegang kad dan meluluskan pembayaran jika sah.
- Bank pemeroleh menerima kebenaran: Bank pengeluar menghantar maklum balas kebenaran kepada bank pemeroleh.

- viii. Gerbang pembayaran menerima kebenaran dan membuat pengesahan: Gerbang pembayaran menerima maklum balas kebenaran daripada bank pemeroleh dan memaklumkan peniaga mengenai status transaksi.
- ix. Peniaga mengesahkan pembayaran dan memenuhi pesanan: Peniaga menerima pengesahan pembayaran dan memproses penghantaran pesanan pelanggan.
- x. Penyelesaian: Bank pemeroleh menyelesaikan pembayaran kepada peniaga, dan peniaga membayar yuran kepada gerbang pembayaran.

Yuran atau Caj yang Dikenakan:

i. Peniaga kepada Gerbang Pembayaran:

Yuran Gerbang Pembayaran - Peniaga membayar yuran kepada gerbang pembayaran untuk memproses transaksi (biasanya melibatkan jumlah tetap dan peratusan daripada transaksi).

ii. Gerbang Pembayaran kepada Bank Pemeroleh:

Gerbang pembayaran mengenakan yuran atau berkongsi sebahagian yuran yang dikutip dengan bank pemeroleh.

iii. Bank Pemeroleh:

Kadar Diskaun Peniaga (MDR): Bank pemeroleh mengenakan peratusan daripada jumlah transaksi (yuran MDR) kepada peniaga untuk mengendalikan pembayaran.

iv. Bank Pengeluar:

Yuran Perantara (*Interchange Fee*): Bank pengeluar mengenakan yuran untuk mengesahkan dan mengendalikan pembayaran pemegang kad.

v. Pelanggan:

Kadangkala, pelanggan mungkin dikenakan yuran perkhidmatan oleh bank atau penyedia pembayaran mereka bagi transaksi antarabangsa atau jenis pembayaran tertentu (jarang berlaku).

Memandangkan yuran dan caj ini berkaitan dengan perkhidmatan pembayaran dan deposit akaun simpanan dan akaun semasa, ia merupakan perkhidmatan perbankan asas dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- b) Penyediaan perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan barang, tanah atau perkara yang terletak di luar Malaysi, tetapi tidak termasuk kiriman wang ke luar negara apabila caj dikenakan kepada pelanggan di Malaysia.

Contoh 19:

ARL Bank Malaysia memberi pinjaman gadai janji sebanyak RM5juta kepada Dato Lim untuk membeli tanah di Singapura. Bank mengenakan yuran pemprosesan sebanyak RM5,000. Yuran pemprosesan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana tanah tersebut terletak di luar Malaysia.

Contoh 20:

Eksim Bank Malaysia Bhd menyediakan perkhidmatan pembiayaan perdagangan kepada Knot Trading Sdn Bhd, sebuah syarikat pengimport Malaysia, bagi membantu dalam pembelian komponen elektronik daripada GHI Electronics Ltd. di Jepun. Bagi memastikan urusan niaga yang selamat, Eksim Bank Malaysia Bhd mengeluarkan Surat Kredit (Letter of Credit) bagi pihak Knot Trading Sdn Bhd, yang menjamin bayaran kepada GHI Electronics Ltd. setelah penghantaran barangan dilakukan dan dokumen yang diperlukan dikemukakan.

Selain itu, pihak bank turut menyediakan kemudahan penukaran mata wang asing bagi membantu Knot Trading Sdn Bhd menguruskan risiko berkaitan turun naik kadar mata wang apabila membuat bayaran dalam matawang Jepun. Untuk menyokong lagi urusan niaga ini, Eksim Bank Malaysia Bhd turut mengatur insurans kredit perdagangan dan perkhidmatan kutipan

dokumentari, yang memastikan pembayaran hanya dibuat selepas dokumen penghantaran disahkan.

Bagi perkhidmatan ini, Eksim Bank Malaysia Bhd mengenakan yuran pembiayaan perdagangan sebanyak RM8,000. Memandangkan perkhidmatan pembiayaan ini berkaitan dengan pengimportan barangan dari luar negara, yuran ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia berkaitan dengan barangan di luar Malaysia.

Contoh 21:

Ahmad memutuskan untuk mengirim wang kepada anak perempuannya, Nora, yang sedang melanjutkan pengajian pascasiswazah di United Kingdom. Beliau menggunakan perkhidmatan P&G Bank Berhad dan membuat kiriman wang ke akaun bank anaknya di luar negara. Setelah bank mengesahkan dokumen yang diperlukan dan memastikan pematuhan terhadap garis panduan kawal selia, permohonan kiriman wang Ahmad diproses. Dalam beberapa hari, Nora menerima wang tersebut di dalam akaun banknya di UK.

Bagi perkhidmatan ini, pihak bank mengenakan yuran pemprosesan sebanyak RM25 untuk pemindahan antarabangsa. Walaupun perkhidmatan kewangan ini berkaitan dengan dana yang diterima di luar Malaysia, yuran yang dikenakan oleh bank tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan tersebut disediakan di Malaysia.

- c) Perkhidmatan kewangan yang berkaitan secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia. Perkhidmatan kewangan yang disediakan hendaklah berkait secara langsung dengan barangan yang dihantar dari pintu keluar terakhir di Malaysia ke mana-mana destinasi di luar Malaysia.

Contoh 22:

Sebuah syarikat di Malaysia mengatur penghantaran barangan elektronik

untuk dieksport kepada seorang pembeli di Singapura. Sebuah Bank di Malaysia menyediakan perkhidmatan pembiayaan khusus bagi menyokong penghantaran barangan tersebut dari pelabuhan di Malaysia ke Singapura. Pihak bank mengenakan yuran perkhidmatan sebanyak RM1,000 bagi pembiayaan yang berkaitan dengan eksport ini. Memandangkan perkhidmatan kewangan ini berkait secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia, yuran yang dikenakan adalah tertakluk kepada pengenaan cukai perkhidmatan.

- d) Perkhidmatan pembrokeran atau penaja jaminan (*underwriting*) berkaitan insurans perubatan atau takaful perubatan yang diambil oleh individu.

Contoh 23:

Joey ingin membeli polisi insurans perubatan untuk dirinya. Ali melantik seorang broker insurans yang membantu untuk membanding dan memilih pelan insurans perubatan daripada beberapa penanggung insurans. Broker tersebut menguruskan proses permohonan dan berunding dengan syarikat insurans. Oleh sebab perkhidmatan broker ini berkaitan insurans perubatan bagi seorang individu, ia adalah tidak tertakluk kepada pengenaan cukai perkhidmatan di bawah layanan cukai semasa.

- e) Pembrokeran atau penaja jaminan berkaitan polisi insuran hayat atau sijil takaful keluarga yang diambil oleh individu.

Contoh 24:

Siti ingin mendapatkan perlindungan kewangan untuk keluarganya sekiranya berlaku perkara yang tidak dijangka. Beliau memutuskan untuk membeli polisi insurans hayat untuk dirinya sendiri. Siti berunding dengan seorang broker insurans yang membantunya membandingkan pelbagai polisi insurans hayat dan mencari perlindungan yang paling sesuai. Broker tersebut membantu dalam pemilihan polisi, pemprosesan permohonan, dan penilaian risiko sebelum pemilihan polisi insurans dimuktamadkan.

Seorang penaja jamin (underwriter) daripada syarikat insurans menilai latar belakang kesihatan dan kewangan Siti bagi menentukan kadar premium dan kelayakan perlindungan. Oleh kerana perkhidmatan broker atau penaja jamin ini berkaitan dengan polisi insurans hayat untuk individu, ia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah layanan cukai semasa.

Contoh 25:

Sebuah syarikat Malaysia, Zig Sdn. Bhd., membeli polisi insurans hayat kumpulan untuk kakitangannya sebagai faedah pekerja. Syarikat menggunakan khidmat broker insurans bagi mendapatkan perlindungan yang terbaik. Penajajaminan membuat penilaian risiko keseluruhan kumpulan sebelum memuktamadkan terma polisi. Disebabkan polisi ini bersifat korporat dan bukan individu, perkhidmatan pembrokeran atau penaja jaminan berkenaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- f) Yuran berkaitan perkhidmatan kemudahan barisan kredit atau pembiayaan patuh Syariah melalui pengaktifan kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan, atau kad caj tambahan.

Contoh 26:

Lisa memegang kad kredit yang dikeluarkan oleh ACBC Bank. Sebagai sebahagian daripada perjanjian kad tersebut, ACBC Bank mengenakan yuran tahunan sebanyak RM100 kepada Lisa bagi penggunaan dan penyelenggaraan akaun kad kredit tersebut. Yuran ini dikenakan kepada Lisa sekali setahun tanpa mengira aktiviti perbelanjaannya. Oleh kerana yuran tahunan ini berkaitan dengan kemudahan kad kredit, ia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- g) Perkhidmatan kewangan yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Ia tidak terpakai kepada badan berkanun.

Contoh 27:

Sebuah bank Malaysia mengatur pinjaman bernilai RM500 juta untuk Kerajaan Negeri Selangor bagi membiayai projek lebuhraya baharu. Bank mengenakan yuran pemprosesan pinjaman RM50,000. Yuran pemprosesan pinjaman bernilai RM50,000 ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan tersebut diberikan kepada Kerajaan Negeri.

PENGECUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN

51. Menteri memberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan kepada orang tertentu bagi perkhidmatan kewangan bercukai yang diterima. Oleh itu, penyedia perkhidmatan tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan apabila menyediakan perkhidmatan kewangan kepada orang yang dikecualikan ini.
52. Untuk melayakkan pengecualian tersebut, orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri. Jika mana-mana syarat tersebut tidak dipatuhi, orang yang dikecualikan dikehendakki untuk membayar semula cukai perkhidmatan pada tarikh ketidakpatuhan itu berlaku.
53. Sebelum peluasan skop dilaksanakan, orang-orang berikut telah dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan tertentu seperti yang disenaraikan di bawah:
 - a) Mana-mana orang, ke atas yuran broker yang dikenakan oleh broker berkaitan urus niaga saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia

Contoh 28:

Lim membeli 1,000 unit saham sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Beliau menghubungi brokernya, Tulips Securities, untuk melaksanakan urus niaga tersebut bagi pihaknya. Tulips Securities mengenakan yuran broker sebanyak RM50 kepada Lim bagi perkhidmatan broker yang disediakan berkaitan transaksi ini.

Memandangkan yuran broker ini berkaitan dengan urus niaga saham yang

disenaraikan di Bursa Malaysia, Lim dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan atas yuran broker tersebut berdasarkan pengecualian yang ditetapkan.

- b) Penyedia perkhidmatan kewangan, ke atas yuran atau komisen yang dikenakan oleh Bursa Malaysia bagi penggunaan platform dagangan komoditi tempatan (Bursa Suq Al-Sila') apabila yuran tersebut ditanggung bagi tujuan penyediaan perkhidmatan kewangan Islam

Contoh 29:

Sebuah bank Islam menyediakan pembiayaan Murabaha kepada pelanggannya dengan membeli komoditi melalui Bursa Suq Al-Sila'. Bank tersebut membeli komoditi di platform berkenaan, kemudian menjualnya kepada pelanggan dengan harga berkeuntungan (markup), berdasarkan terma bayaran secara tangguh. Bagi urusan niaga ini, bank Islam membayar sejumlah RM10,000 kepada Bursa Suq Al-Sila' untuk pelbagai yuran yang dikenakan.

Memandangkan yuran yang dikenakan oleh Bursa berkait secara langsung dengan penyediaan perkhidmatan kewangan Islam oleh bank Islam, yuran tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

- 54. Selaras dengan peluasan skop cukai perkhidmatan, orang-orang berikut telah dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan tertentu seperti yang disenaraikan di bawah:

- a) Penyedia perkhidmatan kewangan di Labuan, sama ada berdaftar atau tidak adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan bercukai kewangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) Orang yang dikecualikan dikawal selia oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA);
 - ii) Perkhidmatan kewangan disediakan oleh penyedia perkhidmatan

kewangan berdaftar, atau orang yang terletak di luar Malaysia (perkhidmatan diimport); dan

- iii) Perkhidmatan kewangan yang diperoleh dan digunakan oleh orang yang dikecualikan cukai untuk menyediakan perkhidmatan kewangan lain yang dikawal di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705].

Contoh 30:

BHB Labuan Ltd mendapatkan khidmat sebuah bank pelaburan di Kuala Lumpur bagi menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan dan pengurusan risiko. Perkhidmatan ini membantu BHB Labuan Ltd dalam menguruskan produk kewangan yang disediakan kepada pelanggannya.

Memandangkan BHB Labuan Ltd menggunakan perkhidmatan kewangan yang diperoleh daripada bank pelaburan tersebut untuk menyediakan perkhidmatan kewangan, yuran yang dibayar kepada bank pelaburan tersebut adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.

Contoh 31:

Sebuah firma perunding kewangan asing menyediakan perkhidmatan penilaian risiko dan rundingan kewangan kepada ABC Capital Ltd iaitu sebuah syarikat yang beroperasi di Labuan, dan mengenakan yuran ke atas perkhidmatan perundingan yang disediakan. ABC Capital Ltd kemudian menggunakan perkhidmatan yang diimport ini untuk menyokong penyediaan perkhidmatan perundingan kewangan kepada syarikat lain yang turut berpusat di Labuan.

Oleh itu, ABC Capital Ltd dikecualikan daripada mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan diimport yang diperoleh daripada firma asing.

- b) Penyedia perkhidmatan kewangan yang bertindak sebagai broker, ke atas yuran penjelasan dan yuran perdagangan yang dikenakan oleh Bursa Malaysia berhubung dengan urus niaga saham tersenarai di Bursa.

Contoh 32:

Seorang pelanggan Mawar Investment Bank membeli 10,000 unit saham Xypor Berhad di Bursa Malaysia. Semasa urus niaga saham dijalankan, Mawar Investment Bank dikenakan caj oleh Bursa Malaysia seperti berikut:

- Yuran Perdagangan: RM50
- Yuran Penjelasan: RM30
- Jumlah Caj: RM80

Yuran perdagangan dan yuran penjelasan yang dikenakan oleh Bursa Malaysia berkaitan saham tersenarai di Bursa adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

- c) Penerbit atau syarikat tersenarai di Pasaran ACE, atas yuran penelitian dan pemprosesan yang dikenakan oleh Bursa Malaysia:

Contoh 33:

Yoyo Services Bhd memohon kepada Bursa Malaysia untuk menyenaraikan sahamnya di Pasaran ACE. Sebagai sebahagian daripada proses permohonan, Bursa Malaysia mengenakan yuran perusal untuk menilai semua dokumen yang dikemukakan seperti prospektus syarikat, penyata kewangan dan dokumen pematuhan. Bagi tujuan permohonan penyenaraian ini, yuran perusal dikenakan berjumlah RM20,000. Yuran ini adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

- d) Mana-mana orang, atas fi wakalah yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan Islam, dan fi ini mestilah merupakan sebahagian penting daripada perkhidmatan kewangan Islam yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan kepada penerima dan tidak boleh disediakan secara berasingan

atau pilihan.

Contoh 34:

Abu memohon pembiayaan Islamik daripada Bank Islam AON di bawah kontrak Murabahah. Sebagai sebahagian daripada perjanjian, Bank Islam AON mengenakan yuran wakalah kerana bertindak sebagai ejen untuk menguruskan pembelian dan penjualan hartanah bagi pihak Abu.

Butiran yuran adalah seperti berikut:

- yuran wakalah ditetapkan pada kadar 1.5% daripada jumlah pembiayaan
- Jumlah pembiayaan ialah RM500,000
- Oleh itu, yuran wakalah yang dikenakan ialah:

$$\text{RM500,000} \times 1.5\% = \text{RM7,500}$$

Yuran wakalah sebanyak RM7,500 adalah dikecualikan daripada bayaran cukai perkhidmatan.

- e) Penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar (termasuk yang berada dalam KD atau KK), ke atas perolehan perkhidmatan kewangan bercukai, jika memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i) Perkhidmatan kewangan disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar lain, atau orang di luar Malaysia (iaitu, perkhidmatan diimport); dan
 - ii) Perkhidmatan kewangan diperoleh untuk tujuan menyediakan salah satu daripada perkhidmatan berikut:
 - a. Perkhidmatan kewangan bercukai,
 - b. Perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia, atau
 - c. Perkhidmatan kewangan yang berkait secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia.

Contoh 35:

JKL Insurance Berhad menjual polisi insurans kenderaan kepada Maju Sdn Bhd dengan premium sebanyak RM50,000, ditambah cukai perkhidmatan 8%, melalui PQR Bank Berhad sebagai rakan kongsi bancassurance. PQR Bank Berhad mengenakan komisen sebanyak RM5,000 kepada JKL Insurance Berhad. Selain itu, JKL Insurance Berhad menyerahkan 30% daripada premium insurans (iaitu RM15,000) kepada UVW Reinsurance Berhad untuk tujuan kepelbagaian risiko.

Memandangkan polisi insurans kenderaan tersebut adalah perkhidmatan kewangan bercukai, komisen bancassurance yang dikenakan sebanyak RM5,000 oleh PQR Bank dan premium reinsurans yang dikenakan oleh UVW Reinsurance Berhad sebanyak RM15,000 adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan. Oleh itu, kedua-dua penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar ini tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang disediakan.

Contoh 36:

Sebuah syarikat pengurusan aset Malaysia (orang berdaftar) mendapatkan khidmat perundingan kewangan dari syarikat luar negara bagi menyediakan kajian pelaburan dan cadangan strategi. Syarikat Malaysia menggunakan hasil kajian tersebut untuk menguruskan portfolio pelaburan pelanggannya, iaitu aktiviti yang dianggap sebagai perkhidmatan kewangan bercukai. Memandangkan perkhidmatan diimport ini merupakan perkhidmatan kewangan bercukai, maka ia layak untuk diberi pengecualian cukai perkhidmatan.

Contoh 37:

XYZ Asset Management Sdn Bhd mengupah BAM Holding Bhd untuk menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan khusus dengan yuran sebanyak RM100,000. Perkhidmatan rundingan ini merangkumi analisis pasaran, penilaian risiko dan nasihat penyusunan portfolio. XYZ Asset

Management seterusnya menggunakan perkhidmatan perundingan ini untuk menyediakan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan yang melabur dalam hartanah komersial di United Kingdom.

Memandangkan perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh BAM Holding Bhd digunakan untuk perkhidmatan berkaitan barang di luar Malaysia, maka yuran yang dikenakan oleh BAM Holding Bhd adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

55. Namun begitu, pengecualian yang dinyatakan dalam perenggan 54(e) tidak terpakai kepada penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar yang menggunakan perkhidmatan diperoleh untuk menyediakan perkhidmatan atau mengenakan caj berikut:
- a) Perkhidmatan broker berkaitan dagangan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia;
 - b) Yuran penjelasan dan yuran perdagangan berkaitan dagangan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
 - c) Yuran perusal dan pemprosesan bagi Pasaran ACE di Bursa Malaysia.

Contoh 38:

XYZ Securities Sdn Bhd mendapatkan nasihat pelaburan daripada Dynamica Sdn Bhd dengan yuran sebanyak RM80,000 dikenakan. XYZ Securities menggunakan maklumat ini untuk membantu pelanggannya dalam membuat keputusan pelaburan dan menyokong perkhidmatan broker bagi saham tersenarai di Bursa.

Oleh kerana perkhidmatan nasihat pelaburan yang diberikan oleh Dynamica Sdn Bhd digunakan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang tidak layak untuk pengecualian B2B, maka perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PROSEDUR PENGECEUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN

56. Bagi orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan,

penerima perkhidmatan tertentu dikehendaki untuk mengemukakan surat akujanji kepada penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar yang menyatakan bahawa penerima perkhidmatan layak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan bercukai yang disediakan.

58. Surat akujanji tersebut boleh dikemukakan kepada penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar sekali sahaja, sebelum perolehan perkhidmatan kewangan bercukai. Kandungan surat akujanji ini disediakan seperti dalam Appendix B.
59. Surat akujanji yang dikeluarkan oleh orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai hendaklah disimpan oleh penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah untuk pemeriksaan apabila diminta.
60. Orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai dikehendaki untuk mengemukakan surat akujanji kepada penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar adalah seperti berikut:
 - i. Penyedia perkhidmatan kewangan yang menggunakan platform dagangan komoditi tempatan (Bursa Suq Al-Sila') bagi tujuan penyediaan perkhidmatan kewangan Islam;
 - ii. Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan, apabila memperoleh perkhidmatan kewangan bercukai yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010;
 - iii. Penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar (termasuk KD atau KK), apabila perkhidmatan kewangan bercukai diperoleh dan digunakan untuk menyediakan:
 - a) perkhidmatan kewangan bercukai, selain daripada:
 - perkhidmatan broker yang berkaitan dengan urus niaga saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia;
 - yuran penjelasan dan yuran perdagangan berkaitan dengan urus niaga saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau

- yuran penelitian dan pemprosesan untuk Pasaran ACE di Bursa Malaysia.

- b) perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan barang, tanah atau perkara yang terletak di luar Malaysia; atau
- c) perkhidmatan kewangan yang berkaitan secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia.

61. Jika orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai gagal untuk mengemukakan surat akujanji, penyedia perkhidmatan kewangan adalah dikehendaki untuk mengenakan cukai perkhidmatan ke atas penyediaan perkhidmatan kewangan bercukai tersebut. Namun begitu, jika penyedia perkhidmatan mengetahui bahawa penerima perkhidmatan layak untuk dikecualikan, maka cukai perkhidmatan tidak perlu dikenakan.
62. Apabila perkhidmatan kewangan bercukai disediakan kepada orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan, penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, penyedia perkhidmatan hendaklah mengeluarkan invois kepada orang yang dikecualikan cukai. Kegagalan mengeluarkan invois adalah satu kesalahan.
63. Invois yang dikeluarkan bagi penyediaan perkhidmatan bercukai hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
- a) Nombor siri invois;
 - b) Tarikh pengeluaran invois;
 - c) Nama, alamat dan nombor pendaftaran cukai perkhidmatan penyedia berdaftar;
 - d) Penerangan yang mencukupi bagi mengenal pasti perkhidmatan bercukai yang disediakan;
 - e) Sebarang diskaun yang ditawarkan;
 - f) Jumlah bayaran keseluruhan tidak termasuk cukai, kadar cukai, dan jumlah cukai yang dikenakan ditunjukkan secara berasingan;

- g) Jumlah bayaran keseluruhan termasuk jumlah cukai yang dikenakan; dan
 - h) Sebarang amaun yang dinyatakan dalam mata wang selain Ringgit hendaklah turut dinyatakan dalam Ringgit berdasarkan kadar pertukaran jualan semasa di Malaysia pada waktu perkhidmatan bercukai diberikan.
64. Selain butiran yang dinyatakan dalam perenggan 63, invois yang dikeluarkan kepada orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai hendaklah turut mengandungi perkara-perkara berikut:
- a) Nama dan alamat penerima perkhidmatan;
 - b) Nombor pendaftaran cukai perkhidmatan bagi penerima perkhidmatan (jika berkenaan); dan
 - c) Jumlah keseluruhan cukai perkhidmatan yang dikecualikan kepada penerima perkhidmatan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN SEMASA TEMPOH PERALIHAN

65. Sebagai peraturan am, bagi sebarang perkhidmatan kewangan yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa dan merangkumi tempoh selepas tarikh tersebut, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada kadar baharu bagi bahagian perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan tempoh selepas tarikh kuat kuasa tersebut.



66. Sekiranya perkhidmatan kewangan disediakan sebelum tarikh kuat kuasa dan merangkumi tempoh selepas tarikh tersebut, dan bayaran diterima sebelum tarikh kuat kuasa, tanpa mengira sama ada invois telah dikeluarkan atau tidak, cukai perkhidmatan ke atas bayaran tersebut akan dikenakan pada kadar sebelumnya atau dikecualikan daripada cukai, bergantung kepada keadaan


yang terpakai.

67. Bagi perkhidmatan yang diimport, cukai perkhidmatan akan dikenakan sekiranya pengimportan perkhidmatan kewangan berlaku pada atau selepas tarikh kuat kuasa. Perkhidmatan kewangan bercukai yang diimport akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya tarikh yang terawal antara perkara berikut berlaku pada atau selepas tarikh kuat kuasa:

- a) tarikh pembayaran dibuat oleh penerima; atau
- b) tarikh invois diterima oleh penerima daripada penyedia perkhidmatan luar negara.

PENDAFTARAN DAN PENGEMUKAAN PENYATA

68. Perkhidmatan kewangan yang dikecualikan daripada pembayaran cukai merupakan perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan. Oleh itu, sekiranya penyedia perkhidmatan kewangan menyediakan perkhidmatan bercukai termasuk yang dikecualikan daripada pembayaran cukai, mereka adalah diwajibkan untuk berdaftar sekiranya nilai tahunan perkhidmatan tersebut melebihi RM500,000. Semua penyedia perkhidmatan kewangan yang layak mesti berdaftar selepas 1 Julai 2025. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan SST mengenai Pendaftaran.



69. Penyedia perkhidmatan yang telah berdaftar sedia ada dikehendaki mengemas kini butiran pendaftaran mereka di portal MySST dengan menambah jenis perkhidmatan baharu (Perkhidmatan Kewangan) dalam maklumat pendaftaran mereka, dan mula mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan bercukai yang diberikan mulai tarikh kuat kuasa.

70. Jumlah nilai cukai yang perlu dibayar, serta jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan yang disediakan dalam setiap tempoh bercukai, hendaklah diikrar dalam penyata cukai yang berkenaan.
71. Seseorang yang berdaftar hendaklah mengemukakan penyata cukai perkhidmatan menggunakan Borang SST-02 mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikut selepas tamatnya tempoh bercukai.

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. **S: Siapakah yang dikehendaki untuk berdaftar Cukai Perkhidmatan bagi perkhidmatan kewangan?**

J: Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang jumlah nilai perkhidmatan bercukainya melebihi nilai ambang RM500,000 hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

2. **S: Adakah semua perkhidmatan kewangan dan caj dikenakan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J: Tidak, sebahagian perkhidmatan kewangan dan caj adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuk:

- a. Caj berasaskan faedah atau perbezaan kadar (contohnya: faedah pinjaman)
- b. Penalti bayaran lewat
- c. Pampasan untuk cek tak laku
- d. Caj lebihan overdraf
- e. Perkhidmatan kewangan berkaitan eksport

3. **S: Apakah perbezaan antara Kumpulan H dan Kumpulan G di bawah Peraturan- Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018?**

J: Kumpulan H meliputi perkhidmatan kewangan seperti perbankan, insurans, dan pelaburan, manakala Kumpulan G meliputi perkhidmatan bukan kewangan seperti pengurusan dan perundingan.

4. **S: Adakah perkhidmatan yang disediakan kepada kerajaan merupakan perkhidmatan bercukai?**

J: Tidak, perkhidmatan kewangan yang disediakan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. **S: Sebuah syarikat Malaysia mengupah penasihat kewangan asing untuk mengurus pelaburannya. Adakah perkhidmatan kewangan yang diimport**

ini dikenakan cukai?

J: Oleh kerana perkhidmatan nasihat kewangan adalah bercukai di Malaysia, syarikat tersebut perlu mengakaun sendiri cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diterima.

6. **S: Sebuah syarikat Malaysia menyediakan perkhidmatan insurans semula kepada pelanggan luar negara dan mengenakan bayaran untuk perkhidmatan tersebut. Adakah bayaran ini perlu diambil kira dalam pengiraan nilai ambang pendaftaran?**

J: Perkhidmatan ini termasuk dalam perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan (iaitu perkhidmatan kewangan berkaitan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia). Oleh itu, nilai perkhidmatan ini tidak diambil kira dalam pengiraan nilai ambang pendaftaran. Semua perkhidmatan yang disenaraikan sebagai d luar skop cukai tidak boleh dimasukkan dalam pengiraan nilai ambang.

7. **S: Sebuah syarikat pengurusan yang berdaftar di bawah Kumpulan G Akta Cukai Perkhidmatan 2018 menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat lain yang berdaftar di bawah Kumpulan H. Adakah perkhidmatan ini layak untuk pelepasan kumpulan (group relief)?**

J: Tidak, perkhidmatan yang diberikan tidak layak untuk pelepasan kumpulan.

8. **S: Sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Kumpulan H Akta Cukai Perkhidmatan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada syarikat lain dalam kumpulan syarikat yang sama, yang juga berdaftar di bawah Kumpulan H. Adakah perkhidmatan ini layak untuk pelepasan berkumpulan?**

J: Tidak, perkhidmatan yang diberikan tidak layak untuk pelepasan kumpulan. Namun begitu, syarikat-syarikat berkenaan adalah layak mendapat pengecualian B2B sekiranya semua syarat dipenuhi.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini, sila berhubung dengan pejabat berikut:

Bahagian Cukai Dalam Negeri,
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan,
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>

Pusat Panggilan Kastam:

Hotline : 1-300-888-500

Telefon : 03-8882 2100 / 2300 /2500

Email : ccc@customs.gov.my

APPENDIX A

SENARAI PERKHIDMATAN KEWANGAN TERTAKLUK KEPADA CUKAI PERKHIDMATAN MULAI 1 JULAI 2025

Perkhidmatan Perbankan Konvensional dan Islam (termasuk Institusi Kewangan
Pembangunan)

Jenis Perkhidmatan Kewangan

1. *Treasury Services*
 - 1.1 *Credit Facility*
 - 1.1.1 *Facility Fee for Arranging and Marking Limit*
2. *Corporate Banking Advisory Services*
 - 2.1 *Global Markets and Corporate Banking Advisory Services*
 - 2.1.1 *Structuring of securities fee*
 - 2.1.2 *Processing fee*
 - 2.1.3 *Participation in deals fee*
 - 2.1.4 *Pass-through deal fee (with markup)*
 - 2.1.5 *Upfront fee*
 - 2.1.6 *Administrative charges*
 - 2.1.7 *Letter of Undertaking/Support/Credit Advice charges*
 - 2.1.8 *Annual review of facilities fee*
 - 2.1.9 *Restructuring/rescheduling fee*
 - 2.1.10 *Extension fee*

Perkhidmatan Perbankan Pelaburan

Jenis Perkhidmatan Kewangan

1. Debt Markets

1.1 Arranger/Facility Agent Services

- 1.1.1 Arranger Fee***
- 1.1.2 Facility Agent Service Fee***
- 1.1.3 Agency Fee***
- 1.1.4 Administrative charges***

2. Equity Markets

2.1 Services in Relation to IPO/ Offer for Sale/ Divestments/ Placements/ Special Issues/ Related Issues/ Merger & Acquisitions/ Takeovers/ Restructuring/ Capital Reduction/ Share Split/ Share Consolidation/ Bonus Issues/ ESOS/ Share Grant/ other similar products as follows:

- 2.1.1 Structuring of securities fee***
- 2.1.2 Introductory Fee for Introducing Clients***
- 2.1.3 Success Fee for Successful Deal***
- 2.1.4 Performance Fee for Successful Deal***
- 2.1.5 Incentive Fee - Discretionary Amount by Issuer***

Perkhidmatan disediakan oleh BURSA Malaysia

Jenis Perkhidmatan Kewangan

- 1. Initial Listing Fees charged to issuers***
- 2. Annual Listing Fees charged to issuers***
- 3. Additional Listing Fees charged to issuers***
- 4. Member services and connectivity fees***

APPENDIX B

KANDUNGAN SURAT AKU JANJI

1. **Tarikh:**
Tarikh surat akuan dikeluarkan.
2. **Butiran Penerima Perkhidmatan:**
 - a) Nama Perniagaan;
 - b) Nama Dagangan Perniagaan (jika ada);
 - c) Alamat Perniagaan;
 - d) Nombor Pendaftaran Syarikat;
 - e) Nombor Pendaftaran Cukai Perkhidmatan (jika ada);
 - f) Alamat e-mel; dan
 - g) Nombor Telefon.
3. **Butiran Penyedia Perkhidmatan:**
 - a) Nama Perniagaan;
 - b) Nama Dagangan Perniagaan (jika ada);
 - c) Alamat Perniagaan;
 - d) Nombor Pendaftaran Cukai Perkhidmatan (jika ada).
4. **Tajuk / Subjek:**
Pernyataan yang jelas seperti “**Surat Akuan bagi Pengecualian Cukai Perkhidmatan.**”
5. **Senarai Perkhidmatan Dikecualikan:**
Senarai perkhidmatan kewangan yang diperoleh dan dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.
6. **Pengisytiharan Status Pengecualian:**
 - a) Satu kenyataan yang mengesahkan bahawa penerima perkhidmatan layak sebagai orang yang dikecualikan di bawah Seksyen 34, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

7. **Tujuan Surat Akuan:**

Penjelasan bahawa surat ini bertujuan untuk mengisytiharkan status pengecualian bagi maksud pelaksanaan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan yang diberikan.

8. **Komitmen Memaklumkan Perubahan:**

Satu janji untuk memaklumkan kepada penyedia perkhidmatan dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam status pengecualian.

9. **Pengakuan Hak Penyedia Perkhidmatan:**

Kenyataan bahawa penyedia perkhidmatan berhak menyimpan surat ini sebagai rekod dan untuk tujuan pemeriksaan oleh pihak berkuasa.

10. **Penafian:**

Surat akuan ini disediakan semata-mata bagi tujuan menuntut pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan dan berdasarkan maklumat serta dokumen yang tersedia pada masa surat ini ditandatangani. Pihak yang menandatangani mengakui bahawa sebarang maklumat palsu atau mengelirukan boleh mengakibatkan tindakan undang-undang, termasuk penalti atau pembatalan pengecualian. Penyedia perkhidmatan berhak bergantung kepada surat akuan ini, tetapi tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti cukai yang berpunca daripada perubahan undang-undang atau status pihak yang dikecualikan.

11. **Tandatangan dan Tarikh:**

Tandatangan pihak yang diberi kuasa, berserta nama, jawatan dan tarikh.